

>> Kira-kira **RM500,000** berjaya **dikumpul** menerusi **Kejohanan Golf Amal UMP**

METRO AHAD



KEJOHANAN Golf Amal MyGift UMP yang berlangsung di Mahkota Golf and Country Club (MGCC).

Dana RM400,000 bantu ringan beban pelajar UMP

Kuantan: Bagi mengurangkan beban pelajar sepanjang tempoh pengajian, **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** meluluskan biasiswa berjumlah RM400,000 kepada pelajar berkecukupan menerusi program MyGift.

Naib Canselornya Prof

Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, biasiswa itu diluluskan Lembaga Pemegang Amanah MyGift dan kumpulan pertama pelajar akan menerima surat tawaran pada pelancaran MyGift yang dijangka disempurnakan Sultan Pahang Sultan

Ahmad Shah di Kuala Lumpur pada 1 Oktober depan.

Katanya, pada masa ini Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP sedang mengenal pasti pelajar yang layak untuk menerima biasiswa itu dengan mengambil kira dua kri-

teria utama iaitu prestasi tinggi dan kurang berkemampuan.

“Biasiswa itu untuk menampung yuran pengajian dan perbelanjaan sara hidup sepanjang belajar di UMP, saya yakin ia dapat meringankan beban mereka,”

katanya pada Kejohanan Golf Amal UMP di Mahkota Golf and Country Club (MGCC) di sini, semalam.

Kejohanan berkenaan bertujuan mengumpul dana tabung MyGift bagi membiayai biasiswa pelajar miskin di UMP dan sebe-

lum ini ia diadakan di Glenmarie Golf and Country Club, Selangor pada 3 September lalu.

Kira-kira RM500,000 berjaya dikumpul menerusi kejohanan berkenaan yang mengatasi sasaran awal ditetapkan iaitu RM400,000.